

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK ROZMAN BIN ISLI
(LABUAN)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 03.04.2018

Y.B. DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah peniaga yang telah diambil tindakan akibat kegagalannya untuk mengemukakan penyata GST sejak dilaksanakan dan apakah rangka kerja strategik Kementerian bagi mengenal pasti peniaga yang masih berdegil mengenakan kedua-dua cukai SST dan juga GST.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh 1 April 2015 sehingga 31 Disember 2017, jumlah kes yang telah diambil tindakan mahkamah berhubung kesalahan kegagalan menghantar penyata

dalam tempoh ditetapkan adalah sebanyak 2,750 kes.

Pelaksanaan GST adalah bertujuan untuk menggantikan cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST) kepada suatu sistem cukai kepenggunaan yang lebih cekap dan telus. Dengan itu, mulai 1 April 2015, SST telah pun dimansuhkan dan tiada mana-mana pihak yang boleh mengenakan cukai tersebut. Sehubungan itu, orang ramai telah diminta bersama-sama menjaga kepentingan pengguna dengan membuat pengaduan kepada JKDM kes sedemikian untuk diambil tindakan.

Bagi memastikan peniaga tidak mengenakan kedua-dua cukai SST dan GST kepada mana-mana pelanggan, Kerajaan melalui Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah mengambil langkah berikut:

Menjalankan operasi 'Mystery Shopper' di mana pegawai JKDM akan membuat pembelian misteri di kedai-kedai tertentu bagi memantau sejauh mana kepatuhan peniaga terhadap undang-undang dan prosedur GST;

Memantapkan Operasi GST melalui Customs Blue Ocean Strategy (CBOS) yang melibatkan kerjasama dalaman di JKDM iaitu Bahagian GST, Bahagian Pematuhan dan Bahagian Penguatkuasaan. Melalui pendekatan ini, program pengauditan dan penguatkuasaan dijalankan secara bersama untuk mengoptimumkan sumber tenaga kerja dan

meningkatkan lagi bilangan peniaga yang diaudit dalam tempoh tertentu; dan

Memberi penerangan dan pendidikan kepada syarikat-syarikat yang telah mendaftar GST melalui program handholding. Program handholding ini dijalankan oleh JKDM di peringkat negeri dan lebih menjurus kepada keperluan setiap sektor bagi memudahkan pemahaman yang terperinci mengenai pelaksanaan GST di kalangan peniaga termasuk pengisian borang secara tepat dan betul.